



NEGERI SABAH

KEW.400-10/1 Klt.3

Kementerian Kewangan,
20 Ogos, 2008

Semua Setiausaha Tetap,
Semua Ketua Jabatan Negeri,
Semua Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah

**PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL.7/2008
KELAYAKAN PEMBAYARAN KOS PANGGILAN (BIL) TELEFON BIMBIT
ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH**

Perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa YAB Ketua Menteri dan Menteri Kewangan telah bersetuju meluluskan elaun ke atas penggunaan telefon bimbit persendirian sahaja kepada anggota Perkhidmatan Awam Negeri Sabah bagi jawatan dan gred seperti berikut:-


- (i) Bayaran elaun RM100.00 sebulan kepada semua penyandang jawatan Gred 54 ke atas.
- (ii) Had bayaran sejumlah RM70.00 sebulan kepada penyandang jawatan Gred N41 hingga jawatan Gred 53 yang menjalankan tanggungjawab yang kritikal (kekerapan ke atas penggunaan telefon bimbit persendirian untuk menyelesaikan urusan rasmi pejabat) yang diperakukan oleh Ketua Jabatan.
- (iii) Had bayaran sejumlah RM50.00 sebulan kepada Pembantu Tadbir Kesetiausahaan, Gred 22 (Pembantu Khas) yang diperakukan oleh Ketua Jabatan.

3. Sehubungan dengan itu, semua Pegawai Pengawal (Ketua Jabatan) adalah dinasihatkan untuk mempertimbangkan dan meluluskan bayaran elaun penggunaan telefon bimbit kepada anggota Perkhidmatan Awam Negeri Sabah mengikut kadar bayaran dan gred jawatan yang dinyatakan dalam perkara 2(ii) dan 2(iii) yang benar-benar menjalankan tanggungjawab yang kritikal sahaja.

4. Pekeliling ini berkuatkuasa bermula pada 1hb. September, 2008.

Sekian dan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"JIMAT DAN PRODUKTIF"



(YUSOFF BIN DATUK HAJI MOHD. KASSIM, PGDK)
Setiausaha Tetap

s.k. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,
Jabatan Ketua Menteri,
Tingkat 6, Wisma Innoprise,
88817 KOTA KINABALU.

" Bendahari Negeri,
Jabatan Bendahari Negeri,
KOTA KINABALU

" Pengarah,
Jabatan Audit,
KOTA KINABALU